

# DUNIA AKAN MELIHAT SATU KERJASAMA ERAT — MAHATHIR

Renungan

JIKA dikehendaknya nescaya dimusnahkan kamu dan didatangkannya makhluk yang demikian itu tidak sukar bagi Allah.  
— Maksud Al-Quran Al-Fatir 15-16.

# Perang basmi dadah akan diteruskan

UM 1 JUL 1987

**KUALA LUMPUR 30 Jun —** Malaysia akan terus memperjuangkan usaha membasmi dadah di dalam negara dan juga forum antarabangsa termasuk Bangsa - Bangsa Bersatu ekoran peningkatan sokongan dunia yang ditunjukkan di Persidangan Antarabangsa

**Penyalahgunaan dan Penedaran Dadah yang berakhir di Vienna Jumaat lalu.**

*Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang memberikan komitmen itu berkata, Malaysia mencapai kejayaan cemerlang dari segi sokongan 138 negara yang mengambil bahagian dalam persidangan itu dan ini merupakan langkah penting dalam usaha memerangi penyalahgunaan dan penedaran dadah.*

Dengan garis panduan yang dipersetujui bersama dalam persidangan itu, beliau yakin dunia akan melihatkan satu kerjasama erat memerangi dadah dan ini akan membantu semua negara termasuk Malaysia dalam usaha menghapuskan jenayah penedaran dadah. "Bagi pihak Malaysia, kita akan meneruskan usaha untuk membasmi dadah sama ada usaha ini dilakukan di Bangsa-Bangsa Bersatu atau di forum-forum lain," tegasnya dalam satu sidang akhbar di pejabatnya hari ini.

Perdana Menteri juga menawarkan kesediaan Malaysia menerima mana-mana negara yang ingin melihat cara negara ini memulihkan penagih-penagih dadah. Beliau kagum kerana banyak negara lain di dunia telah mencontohi Malaysia mengenakan hukuman

**LIHAT MUKA 6**

# PERANG BASMI DADAH DITERUSKAN

UM 1 JUL 1987

gantung terhadap pengedar dadah yang didapati bersalah termasuk Thailand, Sri Lanka, Mauritius dan Brunei. "Banyak negara yang menyatakan sokongan terhadap hukuman gantung ini tetapi mereka mengatakan pendapat umum tidak mengizinkan mereka berbuat demikian. "Namun demikian, mereka menghormati kita kerana pendirian tegas yang telah diambil oleh kita dalam mengenakan hukuman gantung." Mengenai pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya yang membolehkan rampasan harta pengedar dadah, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pindaan itu masih dikaji untuk menjamin kekesanannya oleh kerana implikasinya amat iri luas. Pada masa ini, Amerika Syarikat telahpun mempunyai undang-undang yang membolehkan rampasan harta penagih dadah yang diperolehi

secara haram. Bagaimanapun, tidak ada perbincangan dibuat untuk merampas harta pengedar dadah daripada negara di mana dia melakukan jenayah. Di samping itu, beliau berkata penghantaran pulang (*extradition*) pengedar - pengedar dadah boleh dilakukan sungguhpun sesebuah negara itu tidak mengadakan perjanjian "*extradition*." Datuk Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian bahawa adalah menjadi tanggungjawab mana-mana negara untuk memberikan maklumat yang diperlukan tentang kegiatan atau lokasi pengedar dadah. Beliau menekankan bahawa dalam usaha memerangi dadah keazaman politik mesti wujud melainkan ianya terbatas kerana masalah - masalah dalam negeri yang tidak boleh

diatasi. Ditanya mengenai tindakan lanjutan selepas persidangan di Vienna, beliau menjawab: "Perlantikan saya sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah adalah untuk masa persidangan sahaja. Saya tidak mempunyai tanggungjawab selepas sidang tamat." Bagaimanapun, jelasnya, beliau boleh mendapat maklumat daripada sekretariat di pejabat Bangsa - Bangsa Bersatu di Vienna sekiranya ingin mengetahui tentang langkah - langkah yang telah diambil untuk memerangi dadah. Beliau berkata persidangan tersebut tidak ada peruntukan untuk pengawasan dadah kerana yang diperlukan ialah negara - negara mengambil tindakan seberapa yang

boleh untuk memerangi dadah. Bagaimanapun, ada negara maju termasuk Itali yang berjanji memberikan bantuan berpuh juta ringgit kepada negara - negara yang memerlukan bantuan mencegah pengedaran dadah. Kepada pertanyaan sama ada persidangan dadah akan diadakan setiap tahun, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu bahawa ada negara yang mencadangkan ia diadakan dua tahun atau lima tahun sekali tetapi tidak ada keputusan dibuat. "Apa yang dibuat ialah negara - negara melaporkan pandangan mereka kepada Bangsa - Bangsa Bersatu dan terpulang kepada badan dunia itu membuat keputusan sama ada sidang akan diadakan sekali lagi atau tidak," ujarnya.